



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Kerani sekolah rugi RM21,800 ditipu pegawai LHDN palsu Language: Bahasa Malaysia
Publication/Portal: Kosmo Section: Negara
Date: 27 March 2021 Page: 14

Kerani sekolah rugi RM21,800 ditipu pegawai LHDN palsu

KUANTAN – Wang simpanan milik seorang kerani sekolah sebanyak RM21,800 lesap selepas ditipu individu menyamar pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cawangan Cyberjaya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian bermula

apabila lelaki berusia 60 tahun dari Raub itu dihubungi seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai Nurnadia Ismail pada 15 Mac lalu.

“Suspek (Nurnadia) mengatakan nama mangsa didaftarkan sebagai pemilik perniagaan kedai perabot dan mempunyai tunggakan cukai sebanyak RM16,800.

“Wanita itu mengarahkan mangsa supaya menjelaskan cukai tertunggak dengan kadar segera jika tidak mahu dikenakan tindakan mahkamah,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Wazir berkata, beberapa minit selepas tamat perbualan telefon, mangsa menerima mesej menerusi WhatsApp yang

meminta lelaki itu memasukkan wang ke dalam dua akaun.

“Bermula 16 hingga 21 Mac, mangsa melakukan tujuh transaksi melalui mesin pendeposit tunai di dua cawangan bank di Raub melibatkan jumlah keseluruhan RM21,800 ke dalam dua akaun milik seorang lelaki.

“Mangsa kemudian cuba

menghubungi Nurnadia selepas melakukan transaksi di bank, namun wanita terbabit tidak menjawab panggilan telefon,” ujarnya.

Menurutnya, mangsa yang berasa tertipu kemudian membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Raub kelmarin dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.